



Kenapa Audit Penting kepada PKS



MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS

Kenapa Audit Penting kepada PKS

Buku kecil ini dikeluarkan khas untuk pemilik dan pengurus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menggambarkan nilai audit luaran.

DISEMBER 2016


KANDUNGAN

<i>Apa itu audit?</i>	2
<i>Keistimewaan liabiliti terhad</i>	3
<i>Nilai audit kepada PKS</i>	4
<i>Nilai audit untuk pelanggan anda</i>	8
<i>Mendapatkan keyakinan pembekal anda</i>	9
<i>Dengan kemungkinan terdapat pengecualian audit ke atas syarikat kecil pada masa hadapan, adakah PKS akan meneruskan audit ke atas akaun mereka?</i>	10
<i>Memilih juruaudit untuk perniagaan anda</i>	11
<i>IAM: Mengawal selia Profesion Perakaunan Malaysia</i>	12

Hak Cipta © (Disember 2016) oleh Institut Akauntan Malaysia (IAM). Semua hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada kerja ini yang dilindungi oleh hak cipta tidak boleh dihasilkan semula atau disalin dalam sebarang bentuk dengan apa-apa cara (grafik, elektronik atau mekanikal, termasuk membuat salinan foto, mencatat, merakam, atau sebarang sistem dapat semula maklumat) tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta terlebih dahulu. Permohonan yang sedemikian boleh diemelkan ke Jabatan Komunikasi Strategi di: communications@mia.org.my

Walau bagaimanapun, kebenaran diberikan untuk membuat salinan dengan syarat salinan yang sedemikian digunakan untuk kegunaan akademik atau peribadi dan tidak dijual atau disebarikan dan dengan syarat setiap salinan membuat perakuan yang berikut - "Digunakan dengan kebenaran Institut Akauntan Malaysia".


Institut Akauntan Malaysia (IAM) percaya bahawa untuk PKS berkembang pesat, adalah penting untuk PKS:




Mengguna pakai kemahiran pengurusan kewangan asas untuk menguruskan aliran tunai yang merupakan nadi sesebuah syarikat



Mempunyai akses kepada kredit dan pembiayaan



Menghadapi sistem cukai, penggajian dan lain-lan perundangan



Berunding dengan profesional mahir untuk merapatkan jurang antara kemahiran dan pengetahuan

Mengaudit penyata kewangan anda adalah langkah positif ke arah memenuhi kriteria di atas.

AUDIT ialah mesej KEYAKINAN dan JAMINAN!

APA ITU AUDIT?

Audit, dalam konteks Akta Syarikat, boleh ditafsirkan sebagai satu pemeriksaan bebas ke atas penyata kewangan sesebuah syarikat bagi membolehkan juruaudit menyatakan pendapat sama ada penyata kewangan telah disediakan dalam semua aspek nyata, selaras dengan piawaian perakaunan yang telah dilulus dan boleh digunakan, bagi memberi pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan sesebuah syarikat dan prestasi kewangannya.

Audit dikendalikan menurut piawaian pengauditan antarabangsa dan sebaik selesai, juruaudit akan mengeluarkan satu laporan yang menyatakan pendapat beliau tentang penyata-penyata kewangan tersebut.



“ *Tanggungjawab para pengarah bagi sesebuah syarikat untuk menyediakan penyata-penyata kewangan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta Syarikat.*

Mengaudit akaun-akaun syarikat memberikan para pengarah jaminan bebas dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Saya tidak akan berasa selesa untuk duduk dalam lembaga pengarah sesebuah syarikat, tidak kira besar atau kecil, yang akaun-akaunnya tidak diaudit. ”

Datuk Zaiton Mohd Hassan

Pengarah Syarikat

KEISTIMEWAAN LIABILITI TERHAD

Syarikat liabiliti terhad ialah satu struktur korporat yang mana pemilik-pemilikinya bertanggungjawab dari segi undang-undang ke atas hutang-hutangnya hanya setakat amaun modal yang mereka telah laburkan.

Syarikat yang menikmati keistimewaan liabiliti terhad mesti membenarkan perniagaan mereka menjalani audit wajib bagi menjaga kepentingan pengguna-pengguna pihak ketiga dan lain-lain pemegang kepentingan. Audit boleh dianggap sebagai satu perkhidmatan kepada umum dan merupakan manfaat bernilai yang perlu dibayar bagi perlindungan liabiliti terhad yang dinikmati oleh sesebuah syarikat.



Keistimewaan liabiliti terhad harus disertai dengan akauntabiliti dan keperluan untuk audit bebas.



NILAI AUDIT KEPADA PKS

Audit boleh membantu anda menjimatkan masa dan wang.

Audit memupuk disiplin kewangan

- Audit mengharuskan keperluan untuk menyediakan akaun-akaun dengan betul. Ini membantu anda menjimatkan wang kerana Akta Syarikat 2016 yang baharu mengenakan pertambahan liabiliti kepada pengarah syarikat atas kegagalan menyediakan penyata kewangan yang memuaskan. Jika didapati bersalah, Akta baharu ini mengenakan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- Audit ialah pencegah utama terhadap penipuan, pengubahan wang haram dan lain-lain aktiviti haram.

Walaupun proses audit tidak direka untuk mengesan penipuan, tidak dapat dinafikan bahawa dengan ketiadaan audit, penipuan dan kesilapan lebih berkemungkinan untuk berlaku dan berterusan tanpa dikesan jika tiada sebarang pemeriksaan bebas.

“*PKS secara umumnya tidak mempunyai kepakaran kewangan dan pengurusan dalaman. Peranan akauntan dalam menyediakan nasihat kewangan dan pengurusan yang diperlukan akan mengisi jurang ini.*

Audit bebas juga membina keyakinan orang awam terhadap integriti penyata-penyata kewangan dan memupuk tingkahlaku korporat yang betul bagi PKS.”

Datuk Dr Hafsah Hashim

*Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corp Malaysia*

“Maklumat yang dilaporkan dalam penyata cukai mestilah betul dan tepat berdasarkan penyata-penyata kewangan yang telah diaudit.


Kami, di LHDN, mengiktiraf peranan juruaudit dalam membantu pematuhan cukai yang sedemikian.”

Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd. Shukur Hj. Mahfar

Mantan Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri

Penyata cukai yang betul berdasarkan akaun-akaun yang telah diaudit dapat menjimatkan wang anda, mungkin lebih daripada yuran audit anda!

- Audit luar memastikan cukai yang betul difailkan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Seksyen 77A(4) Akta Cukai Pendapatan semasa menetapkan penyata cukai yang disediakan oleh syarikat hendaklah berdasarkan kepada akaun-akaun yang telah diaudit.
- Juruaudit boleh membantu mengenal pasti kelemahan dalam pematuhan cukai, seterusnya memberi peluang kepada syarikat untuk mengelak daripada melanggar undang-undang cukai dengan tidak sengaja dan dikenakan penalti.
- Juruaudit juga boleh membantu syarikat anda berinteraksi dengan pihak berkuasa cukai dalam banyak cara lain.



“*Audit luar dapat memberikan kredibiliti kepada penyata-penyata kewangan PKS dan memberi tahap jaminan yang lebih tinggi kepada bank apabila menilai permohonan untuk kemudahan kredit.*”

Datuk Abdul Farid Alias

Pengerusi

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM)

Mengurangkan kos pembiayaan

- Penyata kewangan yang telah diaudit memainkan peranan penting dalam menaikkan pembiayaan dan modal.
- Tanpa pendapat audit, walaupun para peminjam boleh memberikan pembiayaan, mereka akan menanggung lebih risiko dan terpaksa menaikkan kos pembiayaan yang akan menjadi tidak produktif bagi PKS.


Audit membantu dalam membuat keputusan

- Maklumat ialah nadi perniagaan moden. Maklumat yang mengelirukan atau tidak tepat akan membawa kepada keputusan-keputusan yang tidak baik.
- Audit menambah kebolehpercayaan kerana hasil proses audit tersebut ialah satu pendapat bebas yang diberikan oleh seorang ahli profesional terlatih yang dikawal selia oleh satu kod etika yang ketat.
- Audit memberi tambah nilai dengan melengkapkan pihak-pihak berkepentingan dengan maklumat yang lebih tepat, seterusnya membawa kepada keputusan yang lebih baik oleh para pengurus, keputusan pelaburan yang lebih baik oleh para pelabur dan keputusan polisi yang lebih baik oleh pihak berkuasa!

Akses mudah kepada nasihat profesional


- Audit membantu pihak pengurusan menambah baik proses-proses perniagaan dan sistem kawalan dalaman.
- Juruaudit adalah profesional terlatih yang mengkhusus dalam penilaian risiko dan sistem kawalan dalaman.

Dengan bantuan juruaudit, anda bukan hanya mempunyai lebih masa untuk menjana pendapatan tetapi anda juga mendapat ketenangan fikiran kerana mempunyai seorang pakar untuk menguruskan hal-hal kewangan.



- ✓ Mengelakkan penalti
- ✓ Memupuk disiplin kewangan
- ✓ Akses kepada nasihat profesional
- ✓ Membuat keputusan lebih baik
- ✓ Mengurangkan kos pembiayaan
- ✓ Lebih masa untuk menjana pendapatan
- ✓ Ketenangan fikiran!

Yuran Audit



NILAI AUDIT UNTUK PELANGGAN ANDA

Kepercayaan adalah penting dalam sebuah perniagaan moden. Audit memberikan pelanggan satu siri mesej yang kuat tentang¹:

- Pengurusan kewangan perniagaan tersebut;
- Etos pengurusan kanan syarikat tersebut;
- Kekuatan dan kecekapan perniagaan tersebut;
- Integriti operasi syarikat.

1 ACCA (2008). *Why audit matters: Your guide to the benefits of the audit*, halaman 8.


MENDAPATKAN KEYAKINAN PARA PEMBEKAL ANDA



Kredit ialah satu isu besar bagi para pembekal. Mereka ingin tahu sama ada seseorang pelanggan boleh dipercayai dan sama ada sesebuah syarikat itu membayar bil-bilnya tepat pada masa dan akan kekal mampu membayar hutang di masa hadapan.

Audit yang dikendalikan secara bebas dan profesional boleh membawa perbezaan sama ada pembekal yang dihormati itu akan melanjutkan kredit atau menolaknya.

Komitmen kepada audit membuktikan kepada pelanggan dan pembekal bahawa anda adalah rakan perniagaan yang diurus dengan baik, boleh dipercayai, terbuka kepada nasihat ahli profesional bertauliah dan berminat untuk kekal bersaing dalam persekitaran perniagaan.



DENGAN KEMUNGKINAN TERDAPAT PENGECUALIAN AUDIT KE ATAS SYARIKAT KECIL PADA MASA HADAPAN, ADAKAH PKS AKAN MENERUSKAN AUDIT KE ATAS AKAUN MEREKA?

IAM menjangkakan banyak PKS akan terus mendapatkan khidmat audit profesional dan menerima manfaat daripada audit luar.

Di UK di mana pengecualian audit ke atas syarikat kecil telah lama dilaksanakan, syarikat yang berada hampir kepada ambang pengecualian audit dan syarikat kecil yang lebih besar tetap meneruskan audit ke atas akaun-akaun mereka.

32% daripada syarikat-syarikat kecil yang layak mendapat pengecualian audit, juga tetap melaksanakan audit secara sukarela kerana para pengarahnya nampak akan kelebihan amalan tersebut (Collis, 2008).

Faktor-faktor utama ialah:

- Pemiutang atau pemegang saham bertegas supaya audit dijalankan;
- Untuk mengekalkan ketekalan dengan akaun-akaun terdahulu; atau
- Kerana syarikat-syarikat tersebut hampir kepada ambang syarikat kecil.

Apabila sesebuah syarikat dikecualikan daripada audit tetapi masih terus mengaudit akaun-akaunnya, ini akan memberi isyarat yang kuat bahawa:

- Ia menganggap pengurusan kewangannya sebagai satu keutamaan tinggi;
- Maklumat kewangan yang diterbitkan dapat berdepan dengan pemeriksaan luar;
- Ia berkeyakinan penuh tentang kualiti operasinya untuk membenarkan penelitian dari luar.

MEMILIH JURUAUDIT UNTUK PERNIAGAAN ANDA

Di Malaysia, hanya juruaudit syarikat yang diluluskan, iaitu seorang ahli IAM dengan sijil amalan dan telah lulus temuduga audit yang dikendalikan oleh Jabatan Akauntan Negara dan telah memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) selaras dengan Akta Syarikat, boleh dilantik sebagai juruaudit syarikat.

Apabila memilih bakal juruaudit, syarikat harus bertanya tentang kelayakan individu atau firma tersebut:

- Apakah kelayakan anda dan apakah lesen yang anda miliki?
- Apakah asas kepada yuran yang anda kenakan?
- Adakah anda mempunyai pengalaman dalam sektor perniagaan ini?
- Apakah pengalaman dan kelayakan orang-orang yang akan menjalankan audit tersebut?
- Apakah khidmat tambahan yang anda boleh tawarkan?

Bekerja dengan seorang akauntan bertauliah sebagai penasihat perniagaan akan memastikan lebih banyak PKS dapat bertahan, maju dan menyumbang kepada keseluruhan pembangunan ekonomi.



IAM: MENGAWAL SELIA PROFESION PERAKAUNAN MALAYSIA

Institut Akauntan Malaysia (IAM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967. Ia diberi kuasa menurut undang-undang untuk mengawal selia profesion perakaunan di Malaysia.

Sebagai badan perakaunan kebangsaan, IAM menetapkan piawaian etika yang tinggi yang mesti dipatuhi oleh semua akauntan di Malaysia. Semua akauntan terikat dengan undang-undang IAM. Sebarang pelanggaran undang-undang ini boleh menyebabkan seseorang ahli itu dikenakan tindakan disiplin. Ahli boleh digantung atau dibuang keahlian, bergantung kepada tahap keseriusan ketakpatuhan tersebut.

Ahli-ahli IAM tertakluk kepada satu pengawalseliaan dan orang ramai mempunyai ruang untuk membuat aduan kepada Institut sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Orang ramai juga mendapat jaminan bagi kualiti khidmat profesional yang diharapkan kerana semua ahli IAM diwajibkan untuk memperolehi jam minimum pendidikan profesional berterusan pada setiap tahun bagi memastikan mereka dilengkapi dengan maklumat teknikal terkini walaupun selepas menjadi seorang akauntan terlatih.



Penafian

1. Dokumen ini hanya mengandungi maklumat umum dan IAM tidak, melalui dokumen ini, mengemukakan sebarang nasihat atau perkhidmatan profesional. Dokumen ini bukan pengganti kepada nasihat atau perkhidmatan profesional yang sedemikian, dan ia juga tidak patut digunakan sebagai asas kepada sebarang keputusan atau tindakan yang boleh menjejaskan perniagaan anda. Sebelum membuat sebarang keputusan atau mengambil sebarang tindakan yang boleh menjejaskan perniagaan anda, anda patut menghubungi seorang penasihat profesional.
2. Walaupun segala usaha telah diambil dengan berhati-hati dalam mengumpulkan kandungan dokumen ini, IAM tidak membuat sebarang representasi atau jaminan (nyata atau tersirat) tentang ketepatan, kesesuaian, kebolehpercayaan atau kesempurnaan maklumat untuk sebarang tujuan.
3. IAM, para pekerjaanya atau ejen-ejenjnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak atas sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang walau bagaimana cara ia timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang tindakan atau keputusan yang diambil (atau tidak diambil) akibat seseorang itu bergantung kepada atau sebaliknya menggunakan dokumen ini atau yang timbul daripada sebarang peninggalan daripadanya.



MALYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ibu Pejabat

Institut Akauntan Malaysia (IAM)

Dewan Akauntan
Unit 33-01, Aras 33, Menara A, The Vertical, Avenue 3,
Bangsar South City, No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel +603-2722 9000 Faks +603-2722 9100

E-mel: smp@mia.org.my

www.mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Johor

Institut Akauntan Malaysia (IAM)

5.03A, Tingkat 5 Menara TJB
9, Jalan Syed Mohd Mufti
80000 Johor Bahru
Johor

Tel +607-227 0369 Faks +607-222 0391

E-mel: miajbu@mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Utara

Institut Akauntan Malaysia (IAM)

Suite 3.4, Aras 3
Wisma Great Eastern
25 Lebuhraya Light
10200 Pulau Pinang

Tel +604-261 3320 Faks +604-261 3321

E-mel: miapng@mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Sabah

Institut Akauntan Malaysia (IAM)

Lot 6, Tingkat Dua, Block A
Damai Point Commercial Centre
Off Jalan Damai, Luyang
88300 Kota Kinabalu
Sabah

Tel +6088-261291 Faks +6088-261290

E-mel: miakku@mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Sarawak

Institut Akauntan Malaysia (IAM)

Tingkat 1, Ultimate Professional Centre
16 Jalan Bukit Mata Kuching
93100 Kuching
Sarawak

Tel +6082-418 427 Faks +6082-417 427

E-mel: miakch@mia.org.my